



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1960 > May > 30 > Page 1 > Uchapan Menteri 9 Besar di-bantah



Uchapan Menteri 9 Besar di-bantah

Berita Harian, 30 May 1960, Page 1

Share

Save Citation

<< Previous Article Next Article >>

Uchapan Menteri Besar di-bantah

KUALA LUMPUR,
A h a d. — Amaran
Menteri Besar Selangor,
Inche Abu Bakar Bagin-
da kepada penduduk2
Jenderam supaya was-
pada terhadap parti2
9kiri telah di-bidas da-
lam persidangan Parti
Buroh di-sini hari ini.
Bidasan itu di-buat oleh
Inche B. Buyong, Setiausaha
Parti Rakyat dalam persida-
ngan Parti Buroh Negeri Se-
langor di-hadapan kira2 200
orang anggota perwakilan
parti itu.
Menurut Inche Buyong,
Menteri Besar Selangor da-
lam lawatan-nya ka-Jende-
ram pada 23 May kelmarin
telah menyeru kepada ra'a-

😊
yat kampung itu supaya
"menjauhkan diri dari per-
tubohan2 yang bermaksud
mengachau keamanan."

😊
Menteri Besar juga di-ka-
takan telah mengingatkan
pendudok2 itu bahawa beliau
telah menerima laporan ten-
tang sa-tengah2 pendudok
Jenderam konon membenar-
kan rumah2 mereka di-gu-
nakan untuk "pertubohan2
yang berhaluan kiri."

😊
Inche Bakar Baginda di-
katakan mengingatkan pen-
dudok2 itu bahawa mereka
tidak harus membenarkan
lagi rumah2 mereka di-gu-
nakan untuk meshuarat atau
perjumpaan parti2 seperti
itu.

😊
Beliau memberi amaran
bahawa tindakan keras akan
di-jalankan ka-atas sa-orang
di-dapati melakukan perbu-
tan itu.

😊
Inche Buyong ketika me-
ngulas ucapan Inche Abu
Bakar Baginda itu berkata
bahawa ucapan itu nampak-
nya "di-tujukan untuk me-
nakut2kan pendudok2 Jende-
ram."

😊
Perbuatan seperti itu, te-
gas Inche Buyong, "tidak de-
mokratik dan amat-lah di-
kesalkan."

😊
"Sa-bagai sa-orang Men-
teri Besar dalam sa-buah ne-
geri yang m e m p u-
nyai perlembagaan, Inche
Abu Bakar tentu tahu
bahawa ra'ayat negeri
ini bebas melancarkan pen-
dapat, bebas berkumpul dan
menubuhkan parti politik
yang kiri sekali pun asal parti
itu di-sahkan oleh Kera-
jaan."

😊
CHATATAN: Pendudok2
Kampung Jenderam di-pin-
dahkan dalam bulan Feb-
ruari tahun 1951 kerana di-
tudoh membantu peng-
ganas2. Pendudok2-nya ke-
tika itu berjumlah 1,500
orang. Tahun 1958, kampung
itu di-benarkan di-buka sa-
mula.

